

## Berbaloi dua hari jahit kimono

KUALA TERENGGANU - Bakat menjahit dimiliki wartawan sukan Sinar Harian menjadi bonus istimewa buatnya sehingga berjaya menyandang juara bagi kategori pakaian tema sempena Malam Anugerah Kewartawanan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Hotel Primula.

Dengan modal hanya RM17.50 bagi membeli lebih kain langsir, Zubir Sulaiman, 46 berjaya membawa pulang RM150 mengatasi hampir 100 peserta lain yang turut tidak melepaskan peluang 'melaram' bagi merebut hadiah itu.

"Tak sangka pula tema pakaian tradisional Jepun dari kain langsir ini berjaya pikat juri sebab saya sebenarnya hanya sekadar suka-suka.

"Bila UniSZA kata kena pakai tema pakaian tradisional bagi majlis ini, saya terfikir nak pakai kimono. Lepas tu terus cari kain yang sesuai di kedai dengan hanya RM3 semeter," katanya.

Menariknya, kimono yang dikenakan Zubir pada malam tadi turut digayakan bersama obi iaitu sejenis kain ikat serta tabi, iaitu stoking tradisional Jepun.

"Obi ni saya dah ada, cuma perlu jahit kain dan baju.

"Mulanya rasa agak susah nak jahit, tapi bila dah tengok kat internet reka bentuk pakaian ini, barulah saya dapat



Zubir di pentas utama selepas Majlis Malam Anugerah Kewartawanan UniSZA di Hotel Primula.

gambaran dan boleh siapakan dalam dua hari," katanya.

Turut memenangi Best 'La Convicencia' Dress Female ialah juruhebah stesen radio Manis FM, Tengku Nura Najihah atau lebih dikenali sebagai deejay Nura dengan konsep pakaian tradisional India, sari.